

17 NOV 1997

MAHATHIR, CHIRAC MULAKAN PERBINCANGAN

LANGKAWI, 17 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Perancis Jacques Chirac, yang tiba di sini semalam untuk lawatan kerja, memulakan perbincangan mereka di sebuah resort hari ini.

Kedua-dua pemimpin dijangka membincangkan isu-isu dua hala dan antarabangsa seperti usaha untuk mengawalselia perdagangan mata wang dan siasatan Amerika Syarikat terhadap urusan gas di Iran yang melibatkan syarikat-syarikat petroleum Malaysia dan Perancis.

Timbalan Setiausaha Negara bagi Tenaga, Sekatan dan Komoditi Amerika William Ramsay, dijangka tiba di sini esok untuk menyiasat usahasama pelaburan bernilai US\$2 bilion antara Petronas, Total SA Perancis dan Gazprom Rusia yang didakwa Amerika sebagai melanggar Akta Sekatan Iran-Libya.

Kedua-dua pemimpin dijangka mengadakan persidangan berita bersama selepas perbincangan mereka.

Chirac berada di Malaysia selepas menghadiri satu pertemuan negara-negara berbahasa Perancis di Hanoi, Vietnam dan lawatannya ini merupakan kunjungan pertama seorang ketua negara Perancis ke Malaysia.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dijadual mengunjungi Chirac hari ini sebelum presiden Perancis itu berlepas pulang. -- BERNAMA
MAM ARA RON